

03/05/1997

Exco Selangor sokong penuh

KLANG, Jumaat - Beberapa pemimpin politik Umno Selangor dan Ahli Exco Kerajaan Negeri menyokong penuh pelantikan Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Abu Hassan Omar sebagai Menteri Besar Selangor yang baru.

Mereka menganggap pemilihan yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah tepat berdasarkan pengalaman Abu Hassan sebagai pemimpin negeri dan Pusat.

Ahli Exco Kerajaan Negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Dusun Tua, Datuk Zainal Abidin Ahmad, berkata pemilihan Abu Hassan sebagai Menteri Besar Selangor yang baru adalah tepat pada masanya.

"Kita (Exco dan Badan Perhubungan Umno Selangor) sudah memberi mandat pada Perdana Menteri membuat pemilihan Menteri Besar yang baru.

"Kini Perdana Menteri membuat pemilihan yang tepat dan saya akan memberi sokongan yang penuh kepada Abu Hassan bagi memastikan kestabilan politik dan kemajuan negeri ini," katanya di sini, hari ini.

Ahli Exco Kerajaan Negeri yang juga Adun Sijangkang, Datuk Abdul Fatah Iskandar, berkata beliau akan memberi sokongan penuh kepada Abu Hassan ketika menerajui negeri ini.

"Saya akur dengan keputusan Perdana Menteri dengan pemilihan Abu Hassan, saya yakin kestabilan politik Selangor akan terus kukuh. Selangor akan terus maju untuk kebaikan negara dan rakyat negeri ini," katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Soohaimi Abdul Rahman, berkata pemilihan itu sudah dijangkakan kerana Abu Hassan adalah pemimpin paling banyak pengalaman.

"Pergerakan Pemuda Umno Selangor akan berdiri teguh di belakang pimpinan Abu Hassan sebagai Menteri Besar dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor," katanya.

Ketua Penerangan Wanita Selangor, Mesrah Selamat, berkata Pergerakan Wanita juga akan memberi sokongan penuh kepada Abu Hassan.

(END)